

Anwar umum dana RM50j bantu mangsa banjir di Kelantan

Setiap keluarga terima RM1,000, peruntukan tambahan lain bergantung kepada kerugian

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Pasir Mas: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bantuan awal sebanyak RM50 juta untuk mangsa banjir di Kelantan.

Perdana Menteri berkata, peruntukan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) itu akan disalurkan terus kepada mangsa banjir.

“Bagi mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan sementara (PPS) dan kawasan sekitar, setakat ini kita meluluskan peruntukan awal RM50 juta.

“Menerusi peruntukan berkenaan, setiap keluarga akan menerima RM1,000 dan tambahan bantuan lain bergantung kepada kerugian yang dialami mangsa banjir,” katanya pada sidang media selepas melawat PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Lati, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd

Nassuruddin Daud dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Mengulas lanjut, Anwar turut berterima kasih kepada semua pihak meliputi jentera kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang membantu mangsa banjir.

“Kerjasama kedua-dua pihak ini menjadikan proses membantu mangsa banjir berjalan lancar demi kesejahteraan rakyat.

“Apa yang penting, kita mahu meredakan tekanan yang dialami rakyat akibat banjir,” katanya.

RM6 juta bina alur limpah

Dalam pada itu, Perdana Menteri meluluskan peruntukan segera RM6 juta bagi membina alur limpah di Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok.

Katanya, pembinaan alur limpah itu akan dibuat di tiga lokasi di kawasan projek berkenaan.

“Untuk benteng projek PLSB yang pecah pagi kelmarin, kita tidak tahu apa punca, namun langkah dicadangkan adalah membuat benteng sementara.

“Pada masa sama, akan dibuat alur limpah di tiga lokasi dan ia akan dilakukan dengan kadar segera,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan menyegerakan PLSB Sungai Golok fasa dua bagi menangani masalah banjir, terutama di Rantau Panjang.

Berikutan itu, beliau meminta

kerajaan negeri mempercepatkan proses pengambilan tanah.

“Projek PLSB Sungai Golok mengikut perancangan mengambil masa beberapa tahun, namun kita akan menyegerakan projek berkenaan secepat mungkin dan dijangka fasa dua akan dimulakan Januari depan.

“Kita terpaksa mengambil langkah segera untuk fasa dua bagi mengurangkan tekanan banjir, terutama di Rantau Panjang yang berdepan banjir sehingga empat kali setahun,” katanya.

Ditanya sama ada projek berkenaan bermasalah memandangkan Rantau Panjang sering berdepan banjir teruk sejak ia dimulakan, Anwar berkata, projek berkenaan masih berjalan.

“Projek PLSB Sungai Golok belum selesai. Perlu faham fasa pertama membabitkan tebing dan selamatkan kawasan sebelah kanan. Sebab itu kita mahu menyegerakan fasa dua supaya boleh selamatkan Rantau Panjang,” katanya.

Beliau berkata, projek pembinaan itu akan dilakukan segera dengan setiap satu alur limpah bernilai RM2 juta.

“Untuk benteng yang pecah kita tidak tahu apa punca, namun ada cadangan supaya membina benteng sementara dan tiga alur limpah, termasuk di lokasi benteng yang pecah. Kita sudah meluluskan peruntukan berkenaan,” katanya.